ARAYA: "ANTARA SATU NYA IALAH "OPERATION PIGGYBANK" IAITU TENTANG OPERASI POLIS TERHADAP KUTU².. YG KAMI TAK BEGITU BERKENAN!!!"

SHIDEE: "BUNYI LAGU² ORIGINAL KAMI TIDAKLAH BOLEH KAMI NAK CERITA SEBAB SUSAH NAK GAMBARKAN, MEMADAI DAN MENYATAKAN IANYA BERBUNYI MACAM DEATH BANDS YG LAIN!!"

* NOTE: AEDES TELAH BERNASIB BAIK DAPAT MENDENGAR LAGU "OPERATION PIGGYBANK" INI KETIKA PRACTISE DI STUDIO ,WILAYAH ITU HARI.. (SEBELUM KONSERT KE 2) DAN BAGI AEDES, BUNYI LAGU ITU ADALAH SEPERTI CAMPURAN BAND² MACAM SODOM, KREATOR, DARK ANGEL DAN LAIN... DAN IANYA MEMANG SEBUAH LAGU YG BER-FEEL-KAN DEATH!!!..

⑤ AEDES: "apakah PANDANGAN PICAGARI TENTANG PERKEMBANGAN THRASH MALAYSIA KINI?"

SHIDEE: "KAMI NAMPAK PERKEMBANGAN INI SANGAT SIHAT!! ini adalah KERANA SETIAP HARI ADA BANDS THRASH BARU TIMBUL!!.. DAN DGN KONSERT BULANAN YG DIANJURKAN OLEH GALACTICA, KAMI RASA, BAND² BARU DAPAT MEMPERTUNJUKKAN MUSIK MEREKA DAN MEMBUKAK BIJI MATA ORANG RAMAI TENTANG THRASH!!



⑥ AEDES: "BILAKAH PICAGARI AKAN KELUARKAN DEMO TAPE?"

SHIDEE: "itu KENA TUNGGU dalam SEBULAN dua LAGI SEBAB KAMI MASIH DUK PRACTISE LAGU² SENDIRI!!!! HANYA 2 LAGU YG KAMI DAH TRY!! YG LAIN TAK LAGI!!"

PICAGARI - NEN, SHIDEE dan IZANI ARAYA. XXXXX

BLACKFENED !!!

AZMI: "LIRIK² kami JUGAK ada YG FANTASI dan ada JUGA BERBENTUK FALSAFAH, Hikayat dan MALAH ada YG MERUJUKAN AL-QURAN, KEMANUSIAAN, PENENTANGAN PERANG, PELACURAN dan KEBA-NYAKKANNYA adalah 170% EXTREME... CONTOHNYA LAGU, "LAHIR dari api", "KEMENANGAN diSAAT AKHIR" iaitu LAGU PERTAMA YG MEMAPARKAN ERTI dan INTI BLACKFIRE!"

AEDES: "dah ada BERAPA LAGU² SENDIRI? dan macamana FEEL dan SOUND dia?"

AZMI: "LAGU² YG ada LEBIH KURANG 47 LAGU!!!... tapi YG tanpa LIRIKNYA didalam tu ialah 30 LAGU!!! dan SOUNDNYA kami tak reti NAK CERITA tetapi FEELNYA HEAVY BASIC BLACK!!!"

AEDES: "APA PANDANGAN Mi TENTANG KEADAAN BAND² dan PEMINAT THRASH SEKARANG?"

AZMI: "THRASH BELUM NAMPAK KEHEBATANNYA LAGI di MALAYSIA Ni! SEBAB IANYA TERBIT dari TREND/FASHION.. Budak² THRASH KEBANYAKKANNYA tidak MENGKAJI apa YG diLUAHKAN OLEH BAND² THRASH @ BLACK METAL... KEBANYAKANNYA HANYA MEMENTINGKAN PAKAIAN WALHAL apa YANG PENTING IALAH INTIPATI dan SIKAP THRASH ITU SENDIRI!!! INILA SILAPNYA THRASHERS SINI!!!"



AEDES: "APAKAH BAND² YG diSUKAI OLEH Mi?"

AZMI: "DIO!, OZZY!, VENOM, SLAYER dan SODOM... aku TAK DENGAR SANGAT THRASH macam ANTHRAX, TESTAMENT dan LAIN² TU!! BAGI aku YG PALING BEST IALAH SLAYER! ...YG LAIN aku TAK dapat FEEL SANGAT!!! LAGI PUN aku LEBIH BERAT KEARAH DHG. VOCAL BILA DENGAR LAGU!! ... CRONOS dari VENOM adalah SATU CONTOH PENYANYI YG aku SUKA!! dia BANYAK FEEL! POWER dan TAK PERLU MERDU!!!"



koleksizine.blogspot.com

Mi!

BLACKFIRE BURNING!



AZMi: "pada lebih kurang 5.30 petang, 31 disember 1985, kami tukarkan lagi Nama kepada 'BLACKFIRE' dan mula berinspirasikan VENOM dan CELTIC FROST !!. Pada hari tu juga kita main konsert pertama di PERLIS INN - Masa tu ORANG PACKED!!! Pada konsert kedua kami pulak, di JOHOR dekat MERLIN TOWER ... mat2 Johor tak boleh terima kami !! dia ORANG BOO !!! Ha! Ha!! ...

"dalam Tahun 1987, kita buat konsert di tengah2 Bandar KANGAR (dalam kedai kopi!) dua bulan sekali !! setiap sabtu!! .. masa tu dibawah naungan persatuan musik perlis .. tapi persatuan tu tak didaftar pun !!! ... Bila kami masuk Juara Rock 87, Yazid dah join kami ... macam 1986, kita kalah juga!!!

NOTA: "Bila Razak keluar, ia digantikan oleh beberapa orang lain hingga sabri join !! " - "Aidi keluar pada disember 1987"

AZMi - "Yazid ada keluar sekali untuk main kelab dan digantikan sementara oleh Razak, Yazid re-join dalam tahun ini!! "

AEDES: kenapa lu tubuhkan band ini?

AZMi: "kami INGIN MENGUBAHKAN SISTEM musik yg ada sekarang nak hapuskan lagu2 kecewa, jiwa2 dan MENGUBAHKAN GENERASI baru kita supaya jadi GENERASI yg berfikir dan pandai MENGKAJI !!!..."

AEDES: kenapa main BLACK METAL?

AZMi: "SEBAB WE WERE AND still ARE UNDER EVIL FORCES !!! HA! HA!! "

AEDES: 'Apa jadi masa Battle of the Bands '87 ? "

AZMi - "kami kalah juga pada masa di Hollywood East tu !! tapi kita dapat OFFER dari WARNADA !! "

AEDES: "apa pulak jadi dgn OFFER tu " ?

AZMi - "dia ORANG tak suka konsep kami ... SEBAB kita nak KEKALKAN KONSEP KITA, TERPAKSALA KITA BERUNDUR !! "

AEDES: "apakah yg diutamakan oleh lirik2 lagu BLACKFIRE?

AZMi - "MENCERITAKAN SESUATU KESAH atau PUN KEWUJUDAN ——→



Picagari

Sambungan lagi!!

⑦ AEDES: "apakah 6 albums yg paling disukai oleh ahli2 picagari?"

SHIDEE: ① DARK ANGEL - "darkness descend"
② KREATOR - "pleasure to kill"

ARAYA: ③ SODOM - "in the sign of evil"
④ DEATH - "scream Bloody gore"

NEN: ⑤ SODOM - "persecution mania"
⑥ CELTIC FROST - "morbid tales"

⑧ AEDES: "dari pandangan picagari, band2 ~~[illegible]~~ mana lagikah yg best di Malaysia ini?"

SHIDEE: "W12, NEMESIS dan juga PUNISHER !! "

NEN: "Bagi aku BRAINDEAD dari taiping tu pun best juga !!! yg satu lagi ialah BACTERIA !!! "

ARAYA: "tentulah BLACKFIKE dan SLAP DEATH !!! "

⑨ AEDES: "apakah pandangan picagari tentang lirik2 yang berbentuk satanic?"

ARAYA: "walaupun kita sukakan banyak kumpulan2 yg ada satanic, kita tak semestinya menyanyikan lagu2 satanic !! "

SHIDEE: "kita hanya sukakan POWER dan KEGANASAN MUSIKNYA SAHAJA, lagipun bagi aku .. LIRIKS tu tak PENTING SANGAT !!! "

10 ARAYA: "yg pentingnya, lagu itu mesti POWERFUL dan GANAS !! "

⑩ AEDES: "apakah pandangan picagari tentang kumpulan2 ROCK dalam yg ada SEKARANG?"

NEN: "kami tak nak la kutuk mereka tu sebab kita semua adalah pemuzik juga .. sama2 duk cari makan .. hanya STYLE dan citarasa aje yg lain2 !!! " tapi yg paling tak berkenan adalah GERSANG la !!! "

ARAYA: "Bagi aku, band yg paling aku tak suka ialah SAXO .. sebab depa tak HANDSOME !!!! "

⑪ AEDES: "apakah cita2 picagari??"

ARAYA: "Nak jadi DREBAR teksi !! "

SHIDEE: "kami Nak rakam album dgn MEGAFORCE !!! biar satu dunia dengar musik kami !!!!

NEN: "terserah la !!! "

SHIDEE: "Nak main satu konsert dengan DARK ANGEL !!! "

PICAGARI - DEATHCORE

(sambung lagi !! ——→



PICAGARI LAGI !!!

⑫APAKAH KATA² TERAKHIR UNTUK KALI INI ?

SHIDEE : "KAMI HARAP SEGALA MASALAH² DANTARA SESAMA THRASHERS DAN BAND² THRASH/death/HARDCORE DITTAPUSKAN SEBAB KITA SEMUA DAH PUNYAI RAMAI MUSUH YG MENGUTANG KITA .. LEBIH BAIK KITA BERSATU !! tak ada GUNANYA BERGADUH SESAMA KITA !!! "

NEN : "AKU HARAP SEMUA BAND THRASH/HARDCORE/DEATH BERSATU" DAN MEMPERJUANGKAN PENGARUH KITA BERSAMA !!! "

ARAYA : "SEMOGA SEMUA MAT² THRASH akan BERJAYA dan KAYA RAYA !!! "

⊗ BAGI SESIAPA YG NDAK BOOK PICAGARI UNTUK KONSERTS atau SAJA² NDAK TANYA² ITU INI atau PUN NDAK KUTUK BAND PUJI MEREKA, BOLEH KONTEK JOE (alamat kat depan)

⊗ SEKARANG INI (NOV 1989), NEN dah KELUAR dan MASUK BALIK BAND LAMA DIA, WEISPEED. ARAYA dan SHIDEE BALIK KE ALOR STAR. DAN AEDES - TAK TAHU APA JADI PADA PICAGARI !!!! HARAP² dia ORANG STILL DUK MOSHING !!!!!



THE VENUS FLY TRAP



MORPHINE

HOW THE MIGHTY

CATALYST

ROSY CRUCIFIXION

'THE VENUS FLY TRAP release a video EP to coincide with the UK release of their debut single MORPHINE. The video features four tracks:

MORPHINE
CATALYST
HOW THE MIGHTY
ROSY CRUCIFIXION,

and is a collaboration between the band and OSAMA who has recently worked on the Love & Rockets, and Red Lorry Yellow Lorry promo' videos.

video EP is available by mail order
ALL & NONE,
PO BOX 87,
ILFORD, ESSEX IG10 1JU
ENGLAND

Cheques & POs for £8 payable to VENUS FLY TRAP

Video produced by Nova Crawford-Neville
© 1988 VFT

MORPHINE [illegible] on TUESDAY RECORDS

the hottest fire in hell:

bLAcKfiRe!

• BAGI MEREKA² YG MENGIKUTI PERKEMBANGAN UNDERGROUND METAL di-NEGARA KITA INI, BLACKFIRE PUKANLAH NAMA YG ASING LAGI !! .. BAND INI TERTUBUH DAN RESMINYA PADA 31HB DISEMBER 1985.

• AHLI² KUMPULAN INI TELAH BERTEMU DIDALAM SEBUAH BAND BERNAMA "ALTER-EGO" YG DITUBUHKAN DALAM 1983 di KANGAR, PERLIS, SETELAH SETAHUN BERSAMA. NAMA KUMPULAN DITUKARKAN KEPADA 'METAL GHOST', YG LEBIH KEARAH BLACK METAL SOUND. ('ALTER EGO' dulu duk main LAGU² AC/DC)

• INTERVIEW INI AEDES JALANKAN PADA BULAN JUNE '89, APABILA MI datang LEPAK kat AEDES HEADQUARTERS !!

• AHLI² BLACKFIRE SEKARANG : AZMI BAHARI (Mi RAMBUT!) - VOKAL
  • YAZID ISMAIL - GITAR
  • SUBRI BAHARI - BASS
  • ROSHADI HASYIM (HADI) - DRUM

• AEDES - "CUBA CERITAKAN SEDIKIT BLACKFIRE, Mi !! "

AZMI - "O.K !! .. dalam TAHUN 1983 TU. AKU dan MEMBER AKU, Aidi RAFIZI, DUK BERCADANG MENUBUHKAN SATU BAND dan KETIKA ITU HADI ada DRUMS dan AMPS ... Jadi BILA Dia DENGAR TENTANG PROJEK KITA INI ... dia TERUS datang HIMPIT KITA dan KITA TERUS TUBUHKAN 'ALTER-EGO'. PADA MASA ITU LINE-UP BAND KAMI IALAH, AKU SEBAGAI Vokalist, HADI - DRUMMER, Aidi - GITAR dan RAZAK - BASS. didalam TAHUN 1984, KITA TUKAR NAMA KEPADA "METAL-GHOST" dan MULA MENCIPTA LAGU² YG BERUNSURKAN BLACK METAL SPT VENOM dan BLACK SABBATH."

*NOTA : TAK LAMA KEMUDIAN RAZAK KELUAR dan TUBUHKAN KUMPULAN 'MESSIAH' dgn CSEKARANG dan NEMESIS) dan KARIM CSEKARANG PUNISHER)



SAMBUNGAN

koleksizine.blogspot.com

PUNKS + NON-RACIST SKINS UNITE!



• DEAD KENNEDYS, BAND PUNK AMERIKA YANG BERPERNGARUH PULAK TERKEJUT DENGAN PERKEMBANGAN BARU INI DAN TELAH MENCIPTA LAGU, "NAZI PUNKS, FUCK OFF!!!"... TAPI RACIST SKINS TERUS BERKEMBANG DISANA... PADA AKHIR 80'AN INI, MEREKA TELAH MEMPUNYAI BAND² MEREKA SENDIRI, FANZINES DAN JUGAK PERSATUAN² RACIST YG DICAMPUR GAUL DENGAN PATRIOTISM, KU KLUX KLAN DAN NAZI!!!...

• KALAU DULU, SID VICIOUS DUK PAKAI LAMBANG SWASTIKA IANYA ADALAH UNTUK MENGEJUTKAN ORANG DENGAN "SHOCK VALUE" NYA DAN TIDAK PUNYAI LAIN² MOTIF, SEKARANG LAIN... RACIST SKINS PAKAI LAMBANG ITU KERANA MEREKA BETUL² BERMAKNAKAN KEMUSNAHAN BANGSA LAIN!!!... INI SUDAH KIRA TERUK!!.. STUPID!!!..OTAK² DIA ORANG NI PENUH DENGAN AIR!!!.. SAMA SEPERTI MAT² MOTOR ATAU KUTU² DIMALAYSIA INI YG DENGAN BANGGA DUK MENYIARKAN LAMBANG SWASTIKA DITOPI, DI DADA DISEWAR TANPA TAHU MENAHU MENATANG AMENDE MAKSUD LAMBANG TU!!!.....APAKAH KAU ORANG INI BEGITU MUDAH DICUCUK HIDUNG MACAM LEMBU YG HENDAK DIBAWAK KEKAWAH GULAI?!!!! ...KIRA²NYA "MACHO" LA LU BILA PAKAI LAMBANG NAZI!!!?!!..RUGGED LA TU!!! HA!HA!..RUGGED LAGI KAMBING YANG TAK MANDI SEUMUR HIDUP LA!!!!...

• PADA 2,3 TAHUN LEPAS, MAT² PUNK DAN SKINHEADS YG ANTI-RACIST MULA SEDAR BAHAWA GEJALA RACIST SKINS INI PERLU DITENTANG HEBAT²!!!. JADI PELBAGAI PERTUBUHAN ANTI-RACISM DITIMBULKAN...

• ANTARANYA, IALAH S·P·A·R, IAITU, SKINS AND PUNKS AGAINST RACISM... PERTUBUHAN KUMPULAN² PUNKS DAN SKINHEADS YG DAH NAIK LOYA DENGAN RACISTS...

• PADA 2/3 BULAN LEPAS, ALI DARI NEW YORK, TELAH MENYAMPAIKAN SATU NASKAH RENCANA² ANTI-RACISM KEPADA AEDES.. DISEBELAH AKU ADA SEDIAKAN SIKIT UNTUK YOU ALL BACA DAN AKU HARAP LU ORANG AKAN SUPPORT ALI DAN SPAR DAN LAIN² PERTUBUHAN SEPERTINYA.. IANYA SEMUA ADALAH UNTUK KEBAIKKAN SEJAGAT!!.. JANGAN KITA BIARKAN BANGSA, WARNA KULIT, UGAMA, FAHAMAN, FESYEN DARI MEMECAH BELAH KAN MANUSIA!!..... FIGHT FOR EQUALITY!!!

SLAPDEATH!! DEATHCORE!!!

dol Jali ARIFF JE'MAN



BASS RHYTHM G VOCAL/LEADG DRUMS

12

◉ SLAPDEATH!! DEMO² SEKELIGN MESTI KENAL SAMA DIA ORANG NI KAN TERUTAMA MEREKA² YG TAK MISS KONSERT² KAT GALACTICA DAN JUGOK KAT STADIUM NEGARA PADA DECEMBER TAHUN LEPAS!!!! MEREKA ADALAH SALAH SATU BAND YG TELAH MENYERIKAN LAGI PERGERAKAN MUSIK UNDERGROUND KITA!! MAT² KELANTAN NI JUGAK TELAH MEMEKAK TELINGA² LEBIH KURANG 3 RIBU PENGUNJUNG PESTA DI KOTA BHARU DALAM AWAL JUNE TAHUN MEREKA ADALAH: DOL-BASS/JALI-RHYTHM GUITAR/ARIFF-VOCAL DAN LEAD GUITAR/JEMAN-DRUMS!!!

DALAM AKHIR BULAN JUNE, SLAPDEATH DATANG LEPAK DIPONDOK AEDES INI, DAN HASILNYA, SATU INTERBIU YG MELARAT SAMPAI PUKUL 4.00 PAGI!!! DAN SATU TIN PENUH DGN PUTING ROKOK!!! YANG DATANG ITU HARI IALAH DOL, ARIFF DAN JEMAN... TURUT LEPAK SEKALI IALAH 'BULLET', BEKAS DRUMMER NEMESIS DAN SEKARANG JADI ORANG PENTING DALAM PUNISHER!!.. OK! MAT!! BUKAK MATA

⊗ BILAKAH SLAPDEATH DITUBUHKAN?

DOL: "OCTOBER 1988!!.. LINE-UP KAMI MASA TU IALAH AKU, JEMAN, ARIFF, PI'DIN DAN JALI" (PI'DIN-VOKAL dan GITAR)

JEMAN: "WOI! PIDIN TU NAMO SEBENAR DIO IALAH "SHEFFRIDEEN C BILIK AEDES RIUH RENDAH DUK DISCUSS NAMA PI'DIN!)

DOL: "MASA KITA MULA SLAPDEATH, KITA SEMUA DAH DATANG K-L!!.. DI KOTA BHARU DULU KITA MAIN DALAM BAND N. "HARDCORE"!! DGN AKU, ARIFF, JALI DAN PIDIN.. JEMAN LEPAK SINI DAH!!! KAMI START TAHUN 1986, JALI MAIN DRAM!!

SLAPDEATH!!... death thrashing mad!!!

ARIFF : "MASA TU KITA MAIN LAGU² METALLICA, EXODUS..."
DOL : "LAGU RUSTY BLADE ADA JUGAK!! HA!HA!! 'KETAGIHAN'!!! HO! HO!" CRIUH PULOK BILIK AEDES!!)
DOL : "BILA START DULU KAMI BUKAN 'SLAPDEATH' TAPI 'SLAP DASH'!"
ARIFF : "KAMI AMBIK NAMA KERETA DALAM KARTUN 'MASK'!!"

⊗SIAPAKAH YG MEMULAKAN BAND INI SEMULA DI K.L?
DOL : "AKU, PI'DIN DANDALI"
ARIFF : "MULA² PI'DIN YG AJAK!!"
DOL : "DIA YANG AJAK, DIA PULOK BUAT PERANGAI!"
(*NOTA : PI'DIN TELAH KELUAR DARI SLAPDEATH TAK BEBERAPA LAMA SELEPAS KONSERT DI STADIUM NEGARA.*)

⊗BILAKAH KONSERT PERTAMA?
DOL : "DI STADIUM NEGARA!!!.. KONSERT THRASH BOXOFFICE BERSAMA NEMESIS, PUNISHER DAN SAXO"
ARIFF : "MASA TU AKU LEAD GUITARIST DAN PIOIN SEBAGAI RHYTHM DAN VOCALS"
JEMAN : "AKU JOIN DALAM BULAN JULAI '88, DAN TAK LAMA KEMUDIAN JALI TERPAKSA TARIK DIRI BUAT SEMENTARA. JADI PADA KONSERT TU AKU MAIN DRAM" DAN TERUS SAMPAI SEKARANG"
DOL : "LEPAS KONSERT INI, PI'DIN KELUAR DAN DUA HARI SEBELUM KONSERT DIGALACTICA DALAM BULAN MAY LEPAS, JALI MASUK SEMULA SEBAGAI RHYTHM DAN ARIFF MULA JADI VOCALIST SEKALI!!"
BULLET : "Oi! MINTAK ROKOK TU! NAK BERAK!!" (!!)
(SEKALI LAGI AEDES HEADQUARTERS JADI RIUH!!)

⊗SEBAB APA BAND NI MAIN LAGU² DEATH AJE?
DOL : "SEBAB KAMI SEMUA MINAT DEATH DAN LAGI, LAGU² JENIS LAIN KAMI TAK ADA FEEL!!"



⊗SEKARANG NI ADA LAGU SENDIRI TAK?
ARIFF : "ADA 4 LAGU, TAPI TAK BETUL² SIAP LAGI..."
DOL : "LIRIK TAK ADA LAGI"

*NOTA : TAJUK² LAGU SLAPDEATH MASA INI :
① 'ANTICHRIST WARFARE!!'
② 'DEATH BY STEREO'
③ 'ENDLESS HELLISH disaster' instrumental
④ 'DEVILS FEAR' #

⊗APA PANDANGAN SLAPDEATH ATAS PERKEMBANGAN MUSIK THRASH MALAYSIA SEKARANG?
JEMAN : "WOI BEST!! BAND² THRASH MACAM DUDUK TUNGGU MASA AJE SEBELUM MENGGEGARKAN MALAYSIA!! SEBAB SEKARANG NI KITA NAMPAK BAND² THRASH MUNCUL MACAM CENDAWAN!!"

*BERSAMBUNG DIMUKA SEBELAH!!

koleksizine.blogspot.com

- PADA AWAL ~~PERTENGAHAN~~ 80'AN INI, SEORANG PENULIS MAJA MUSIK "SOUNDS", GARY BUSHELL TELAH MEMPERKENALKAN SATU NAMA BARU UNTUK BAND² SKINHEADS IAITU "Oi!".
- BAND² Oi! YG TERKENAL SELEPAS ITU IALAH COCK SPARR, THE BUSINESS, 4-SKINS, GONADS, BLITZ, COMBAT 84 DAN LAIN².
- WALAUPUN HANYA SEGELINTIR SAHAJA DARI BAND² BARU INI MEMEGANG PADA FAHAMAN RACIST, ... PERGERAKAN RACIST SKINS MULAI MEMBEKAK DENGAN AHLI² BARU... SEHINGGA TERJADI SATU RUSUHAN ANTI-KAUM DI SEKITAR LONDON TAK LAMA KEMUDIAN..
- PIHAK PARTI POLITIK YG BERHALUAN KANAN YG EKTREM MULA MENDAPATKAN MAT² SKIN RACIST INI UNTUK MENGEMBANGKAN FAHAMAN MEREKA ... JALAN² MULA DIPENUHI OLEH PEMBARISAN RACIST SKINS YG BERLAGAK SEPERTI TENTERA NAZI, DENGAN LAMBANG NAZI DI LENGAN DAN TABIK KEPADA HITLER DENGAN TANGAN TERPACAK,, "HEIL HITLER!!!"..
- KONSERT² PUNKS MULA DIGANGGU OLEH MEREKA, PERGADUHAN SERING BERLAKU BILA MAT² PUNK JUMPA SKINS!!!. BAND² PUNK DAN Oi! MULA MEMBERHENTIKAN PERSEMBAHAN MEREKA APABILA RACIST SKINS BUAT HAL DENGAN STYLE NAZI MEREKA!!..
- FAHAMAN EKTREMIS KANAN INI MULA MENJALAR KENEGARA² EROPAH ... MAT SKINS DISANA YG DULU HANYA ANGGAP SKINS SEBAGAI FASHION DAH START MENGAMBIL FAHAMAN INI DIDALAM HIDUP MEREKA...
- DI-GERMANY, PUNKS DAN SKINS ANTI-RACIST SELALU AJE BERGABUNG TENAGA MENENDANG BONTOT RACIST SKINS!!!!
- PADA PERTENGAHAN ABAD INI, MAT² SKINS MULA TIMBUL DI USA, MULA²NYA HANYA IKUT FESYEN, BORING RAMBUT, MACAM DURI, JADI NAK BOTAK BULAK!!. TAPI FAHAMAN RACIST IKUT SEKALI!!! →

U.W.T.N.S MAG

GRINDERS!!Here i'am from UP WITH THE NOISE magazine in greece to tell you more for the #2 issue!it comes out SOON with over 40 long interviews,tons of reading,notices articles and reviews on new hot bands,and basically over 120 bands in/ews+Articles togethr but we need more,so send us your promo stuff to feature your band!Some of the NOIZEZ are,STIGMATIZER,CARCASS,PSYCHO SIN,SEVEN MINUTES OF NAUSEA,AGATHOCLES, RESOLUTE(old PESTIL.)SADISTIK EXEKUTION, (Gods)DEVIATED INSTINCT,ROTTING CHRIST, SORE THROAT(RIP)MORTAL TERROR,CANKERED, REPUCE,PARADISE LOST,LETHAL AGGRESSION,!! DAWN OF LIBERTY,THANATOS,FILTHY CHRISTIANS,SATANIC MALFUNCTIONS,INSURRECTION,SABHURA and tons of tons others,also articles on bands such as ZAAG,SOUND POLLUTION, INDUSTRIAL RESSISTANCE,W.F.F.Y.O.,MIERDA, PESTILENCE,DERBE,CARBONIZED,APPAT,DISHARMONIC ORCHESTRA,PUNGENT STENCH,LEPTOSOME MESSIAH DEATH,NECROVORE,SHUB NIGGURATI,DECADENCE WHITIN,and zillions etc...Write us if you want to interview your band!Just now,Over 46 (B4)pages,great,[redacted],killer incredible layout,and SEVEN MINUTES OF NAUSEA(on face cover)Write now to,and send your stuff:c/o Vaggelis,Harilaou Trikoupi IO,Salamis I8900,GREECE!

S·P·A·R

SKINS + PUNKS AGAINST RACISM

"SKINS AND PUNKS UNITE!!"

•KITA SELALU AJE MENDENGAR CERITA² DARI SAUDARA² ATAU KAWAN² YG PERGI KE LONDON MISALNYA TENTANG KEGANAS-AN MAT-MAT SKINHEADS DISANA. •ADA YG KENA KEJAR, KENA PUKUL, KENA 'PAU', KENA LUDAH OLEH SKINS.!!!!

•UNITE AND WIN

•INI ADALAH KERANA KEBANYAKKAN SKINHEADS ADALAH "RACIST" ATAU BEPEGANG KEPADA FAHAMAN ANTI-BANGSA² LAIN.. SASARAN UTAMA MEREKA IALAH ORANG² YG WARNA KULIT MEREKA LAIN DARI MAT SALLEH !!!.. KALAU KULIT LU WARNA KELABU AJE ... ALAMATNYA BERTERABURLA GIGI LU KENA TAPAK KASUT BOOT "DOC MARTEN" DIA ORANG !!! ...

• YG PELIKNYA, SKINS YG ORIGINAL, IAITU GENERASI PERTAMA PADA PERTENGAHAN ABAD 60'AN DULU, ADALAH BUDAK² MAT SALLEH YG SUKA PADA LAGU² ORANG KULIT HITAM. MEREKA DULU SUKAKAN MUSIC R&B DAN SKA/BLUEBEAT CORIGINAL REGGAE). DAN MEREKA BUKAN RACIST !!

• SKINHEADS GENERASI BARU MULAI TIMBUL PADA AKHIR 70'AN BILA BANDS PUNK MACAM SHAM 69, RUTS DAN ANGELIC UPSTARTS MULA MELAUNGKAN LAGU² TENTANG MASAALAH² YG DIHADAPI OLEH PEMUDA – PEMUDI SEKITAR ENGLAND YG TIDAK PUNYAI MASA DEPAN, HIDUP ATAS DUIT WELFARE, TAK ADA KERJOE DAN SEBAGAINYA..



• WALAUPUN BAND² YG TERSEBUT BUKANLAH RACIST .. MESEJ MEREKA TELAH DIPUTAR BELIT OLEH PEHAK RACIST DAN MEREKA MULA MENG BAND² KAN KEMARAHAN/KEKECEWAAN MEREKA KEPADA ARAHKAN PENDATANG ASING KE ENGLAND... SEMUA

• MAKA TIMBULLAH BAND² PUNK/OI YG RACIST. YG PALING MASYUR IALAH SKREWDRIVER, SEBUAH BAND YG PUNYAI BUNYI YG POWERFUL TAPI DIKOTORI OLEH LIRIK² RACIST !!!



SLAPDEATH LIVE IN KOTA BHARU! 10th JUNE 1989!!

DOL: "AKU NAMPAK RAMAI FUTU² DENGAN SEMANGAT BERKOBAR² NAK TUBUH BAND² BARU DAN YG BESTNYA, DIA ORANG SEMUA MUDA²! MACAM 'BACTERIA' TU !! BARU BELASAN TAHUN TAPI DAH ALL-OUT DEATH !!!... SEMANGAT MACAM INI LA BAGUS !!!"

* NOTA: SEKARANG (NI 'BACTERIA' DAH BERPECAH !!.. KEBANYAKKAN AHLI² BAND INI DAH TUBUHKAN, "SILENT DEATH" !!!

⊗APAKAH ALBUM² YG PALING DISUKAI SLAPDEATH SEKARANG?

JEMAN: ① SEPULTURA - 'MORBID VISIONS'
② SODOM - 'OBSESSED BY CRUELTY'

ARIFF: ① KREATOR - 'EXTREME AGGRESSION'
② DEATH - 'LEPROSY'

DOL: ① SLAYER - 'REIGN IN BLOOD'
② POSSESSED - 'SEVEN CHURCHES'
③ NUMSKULL - 'RITUALLY ABUSED'

⊗YG MANAKAH DIANTARA BAND² UNDERGROUND SINI YG PATUT DIPUJ

ARIFF: "WINGS !!! Ha! Ha!!"
(SEMUA RUH DUK BUAT JOKE PASAL WINGS!!)

JEMAN: "SLAPDEATH La !!.. Satu Lagi band, SLAPDASH !!! Ha! Ha!"

ARIFF: "BAGI AKU, MESTI BACTERIA DAN PICAGARI !!!"

DOL: "NEMESIS La !!"

ARIFF: "YA !! KITA SEMUA RESPECT NEMESIS !!"

DOL: "Satu Lagi, PICAGARI !!! .. DIA ORANG NI KETAT AND BERSEMANGAT !! PICAGARI !! PALING POWER SEKALI !!!"

⊗ADA PANDANGAN SLAPDEATH PASAL LIRIK² LAGU SATANIC? ADAKAH PERLU BAND² DEATH/THRASH NYANYIKAN PASAL SETAN?!!!

JEMAN: "Ya !! SEBAGAI BAND DEATH METAL, KITA MESTI MAINKAN LAGU² MACAM TU !! KITA MESTI NYANYIKAN PASAL SEX, MURDER DAN LAIN². LAGU TV !!!"

DOL: "NO COMMENT !!! .. TAPI BAGI AKU LIRIK TU TAK PENTING SANGAT !!"

SLAP DEATH !!

ARIFF : "BAGI AKU, LIRIK TAK PENTING! & MUSIK TU MESTI POWER!!"

⊗ MACAMANA SAMBUTAN DI KOTA BHARU ITU HARI?

JEMAN : "WOI!! SEPARUH PENONTON DUK HEADBANGING!!! DAN SEPARUH LAGI DUDUK TERNGANGA!!.. TERKEJUT!!! "

DOL : "MACAM KENA KARAN!! "

ARIFF : "LEBIH KURANG TIGA PIBU ORANG DATANG EKSPO TU!! MAT² THRASH SANA DUK MINTAK LAGU SEPULTURA, "REST IN PAIN".. TAPI SILAP KAMI TAK PREPARE!! .. NAMPAKNYA MAT THRASH KAT KELANTAN SEMAKIN RAMAI!!.. TAPI POSERS PUN RAMAI JUGAK!!! "

JEMAN : "SEBENARNYA KAMI PATUT MAIN PADA 9HB OKT., TAPI KAMI MAIN HARI 10HB!!.. AKU DENGAR MALAM 9HB TU PENUH DGN THRASHERS!!... SILAPLA!!! "

⊗ BILA AGAKNYA THRASHERS MULA TIMBUL DI KELANTAN?

JEMAN : "TAK SALAH AKU, DALAM TAHUN 1983 IAITU BILA METALLICA PUNYA ALBUM, "Kill Em All", SAMPAI DI KOTA BHARU!!.. MASA TU KUTU² DUK LEPAK DENGAR LAGU METAL MACAM EXCITER, RAVEN DAN LAIN².. KITA SELALU LEPAK DEKAT AUDIO MUSIC CENTRE, KOTA BHARU!!..

ARIFF : "DALAM TAHUN 1986, PUSAT CETAK RUMPAK KHAS MUSIK THRASH, "METAL MERCHANTS" dimulakan.. JADI KITA ORANG LEPAK SITU PULAK!!.. KEDAI INI TUTUP DALAM TAHUN '87 BILA KERAP SANGAT DI-RUSHED' POLICE!!.. POLIS INGAT DIA ORANG JUAL DRUGS!! "

15

✱ NOTA : KEDAI "METAL MERCHANTS" NI LA YG BANYAK MENGELUARKAN TAPE² CETAKRUMPAK BAND² THRASH UNTUK PANTAI TIMOR!! AKU INGAT DULU SEKALI AKU BELI, WARFARE, ARTILLERY DAN "Kill Em All"... SEMUA INI SUSAH NAK DAPAT DULU!!!



ANTARA MAT² THRASH di KONSERT SLAPDEATH DI K-B.

⊗ MACAMANA PULAK PANDANGAN TENTANG BAND² GLAM P[illegible]??

JEMAN : "AKU PASA KITA TAK BOLEH KUTUK BAND² MACAM GERSANG TU!!.. KERANA GERSANG TU MEMANG BERIMEJKAN SBG BAND "BELA"!!.. KALAU NAK KUTUK, KUTUK YG POSERS!!! "

ARIFF : "YA!! YANG DRESSING MACAM PONDAN TU!!! "

JEMAN : "BAND² YG BERLAGAK SBG BAND METAL/ROCK TAPI DUK MAIN LAGU 3 BATU SEJAM!! SLOW!!! HA! HA!!! "

RÖVSVETT

⊙ APAKAH RASANYA BILA BERAKSI KAT ATAS PENTAS TU?

RÖVSVETT : "IANYA BERBEZA DARI SATU TEMPAT KE SATU YG LAIN, TAPI SEMUANYA BOLEH DIKATAKAN BEST!! TAPI AKU PERLU BERAK DULU SEBELUM NAIK STAGE!!!.. MEMANG TAK MISS BERAK!!! "

⊙ APAKAH KOMEN² YG PALING KELAKAR DAN BODOH PERNAH DIDENGAR TENTANG RÖVSVETT?

RÖVSVETT : "YG PALING BODOH IALAH DARI SALAH SATU AHLI BAND 'TRIBULATION'!! KATANYA BAND KAMI TAK RETI MAIN ALAT MUSIK!!! KAMI TAK KEMAS KATANYA!!! TAK SEDAR YG MEREKA TU MAIN MACAM TAIK!!!.. DAN YG PALING KELAKAR PULAK IALAH BILA ORANG RAMAI TAK BOLEH TERIMA NAMA BAND KAMI!! "

✱ NOTA : "MAKNA" RÖVSVETT" IALAH "PELUH DALAM DUBUR" ATAUPUN 'PELUH DUBUR' DAN 'DUBUR BERPELUH'!!!! "

⊙ DARI PANDANGAN RÖVSVETT, APAKAH MAKNANYA BILA KITA SEBUT PASAL BAND² YG MAJU ATAUPUN BERKEMBANG KESATU ARAH BARU?

RÖVSVETT : "BILA SATU² BAND INGIN MAJU DARI SEGI MUSIK, ADA BAIKNYA DAN JUGAK BURUK!!.. BAGI RÖVSVETT, KAMI TAK NAMPAK APA² YG MENONJOL!! KAMI TAK AKAN MAIN METAL, HIP-HOP ATAUPUN POP!!.. SEBALIKNYA LEBIH KEARAH YG KELAM (DARK STUFF), BENDA² YG PELIK DAN GUNAKAN SYNTHESIZER!!! "

40

✱ NOTA : "RÖVSVETT AKA KELUARKAN SPLIT EP DGN RAPED TEEN-AGERS dalam BULAN SEPT 94 DAN SEBUAH LP AKHIR TAHUN INI!!"

⊙ APA KOMEN TERAKHIR?

RÖVSVETT : "TERIMA KASIH!!! " ✱

RÖVSVETT BOLEH DIKONTEK DISINI → MIKAEL KARLSSON, STORGATAN 61, 57300 TRANÅS, SWEDEN!!!.....

THANXS to STAFFAN FJÄDERBERG!!!



koleksizine.blogspot.com

SWEDEN'S

RÖVSVETT!



RÖVSVETT - STAFFAN - DRUM / KYLLE - GITAR
LÖKEN - BASS / JERK - VOKAL

ROSVETT IALAH SEBUAH BAND POST-PUNK DARI SWEDEN DAN INTERBIU DIBAWAH INI TELAH DIHANTAR OLEH MEMBER KAMI, STAFFAN..

⊙DAH BERAPA BANYAK REKODS TELAH DIKELUARKAN OLEH ROSVETT?

ROSVETT : "KESEMUANYA ENAM! 2 EP's (SINGLES, REKOD KECIK!!) DAN 2 LPs!! KEDUA2 ALBUM CAMPURAN! SATU SPLIT LP DENGAN BAND "PLAGUE" DAN SINGLE PERTAMA KAMI DIMUATKAN DALAM SATU LP CAMPURAN BRAZIL!! .. DAN BANYAK LAGI AKAN DIKELUARKAN!!

⊙NAMPAKNYA ROVSVETT AGAK KRITIKAL TERHADAP BAND² PUNK SWEDEN, ADA APA² KOMEN?

ROVSVETT : "YA DAN TIDAK!! .. KAMI PASA, KITA PERLU JADI KRITIKAL UNTUK MAJU!! TAPI TAK SEMESTINYA KITA DUDUK KOMPLAIN PASAL BAND² SINI SAHAJA!!!"

⊙KITA SELALU AJE DENGAR ~~BANYAK~~ RUNGUTAN BAND² YG TIDAK DAPAT PERHATIAN SYARIKAT² REKOD, SEBAGAI BAND YG SUKA MENGELUARKAN REKOD² SECARA BERDIKARI, APAKAH PANDANGAN ROVSVETT?

ROVSVETT : "ADA BAIKNYA DAN JUGAK BURUKNYA!! .. BAGI BANDS YG ~~BANYAK~~ MEMPUNYAI KONTRAK, MEREKA TAK PERLU BESUSAH PAYAH MENCARI PELANGGAN DAN PENGEDAR .. KAMI TERPAKSA BERURUSAN DENGAN PELBAGAI JENIS MANUSIA UNTUK KELUARKAN REKOD KAMI!! - BANYAK PROBLEM!!"

⊙ADAKAH KEBEBASAN WUJUD?

ROVSVETT : "BOLEH JADI BILA KITA TIDUR!!! .. KEBEBASAN HANYA WUJUD BILA KITA PEJAM MATA!!! .. SEBENARNYA KEBEBASAN HANYA MINIMA SEKARANG INI!! DIRAN KITA PUNYAI PAGAR, RUMAH KITA JUGAK ADA PAGAR!! ... MACAM KOTAK KASUT!!!

TAMPAR MAMPUS!!!

DOL : "TAK PADAN DGN NAMA BULAK TU!! CROSSFIRE!! SCARECROW!! HA! HA!!! I, BAND ABABIL PERGI MAIN DEKAT LEMPAR BATU!!! .. HANYA 40 ORANG TENGOK!! .. KALAU KAT KELANTAN, AKU RASA BAND² GLAM TAK USAH PERGI!! .. KALAU TAK MAIN THRASH, ALAMATNYA CARI NAHAS! - MELAINKAN SEARCH DAN WINGS!! .. ITU PUN SEBAB MAK WE² !!!"

⊗MARI KITA CERITA PASAL POLIS BULAK!!!

JEMAN : "POLIS KEBANYAKKANNYA TAK BOLEH TENGOK ORANG RAMBUT PANJANG!! INGAT KITA KAKI DRUGS!! .. SEKALI AKU KENA TAHAN 2 MINGGU, SEBAB SUSPECT AMBIK DRUGS!!! .. AKU MANALA SENTUH BENDA TU!!!!"

DOL : "AKU KENA 5 KALI BILA OPERASI!! .. 2 KALI RAMBUT AKU KENA KERAT!! .. BOLEH JADI DIA ORANG DENGKI RAMBUT AKU LAWA!! HA! HA!!"

⊗APA CITA² SLAPDEATH?

JEMAN : "AKU TAK DAK CITA² NAK REKORDING DISINI!! .. INI MALAYSIA PAHAM²LA!!"

ARIFF : "AKU NAK JADI MENTERI PENERANGAN!! .. BIAR THRASH BOLEH MAIN DAN HARAMKAN ROCK BODOH!!!"

DOL : "NAK REKORDING DIAMERIKA DAN BERMASTAUTIN SANA!!!"

JEMAN : "SUPPORT SEPULTURA!!"

DOL : "MAIN KAT HAMMERSMITH ODEON!! COBB'S!! .. MAIN DENGAN DEATH!!"



⊗APAKAH ARAH YG AKAN SLAPDEATH IKUTI NANTI?

DOL : "HORROR! AGGRESSIVE!! DEATH!! MELODIC!!"

JEMAN : "DGN LIRIK PASAL SEMUA HAL DUNIA DAN BUKAN DUNIA!!!"

ARIFF : "TERUS MEMBUKAK FIKIRAN!!"

⊗KATA² AKHIR?

DOL : "TERIMA KASIH KEPADA SEMUA² THRASHERS KERANA KETIKA KAMI MAIN 'OUT OF TUNE' DIA ORANG TAK KUTUK!! .. BAGI SEMANGAT HABIS-HABISAN!!!"

JEMAN : "AKU HARAP AKAN WUJUD PERPADUAN DIANTARA BAND² DAN PEMINAT² UNDERGROUND!! BERSATU!!"

DOL : "INI UNTUK WIZ, .. KALAU WIZ NAK MAIN LAGU² WINGS BAIK LU ORANG BUAT IDENTITI MACAM WINGS TERUS!!!"

ARIFF : "SEMOGA THRASH AKAN TERUS HIDUP DAN BERKEMBANG!!"

— TAMAT —



BERITA SEDIH!! (9HB OKTOBER '89 !! SLAPDEATH'S DEAD!!)

BAND SLAPDEATH TELAH MENINGGAL DUNIA!!! .. PEMAIN GITAR, JALI, TELAH MENARIK DIRI TIDAK LAMA SELEPAS INTERBIU INI!! ... TETAPI AWAL BULAN INI DOL MENDAPAT GANTI, IAITU UJI, BASSIST dan VOCALIST BAND 'VOICES' .. TAPI TAK LAMA KEMUDIAN JEMAN JUGAK KELUAR ... DITURUTI OLEH ARIFF, KERANA MASALAH PERIBADI ... DENGAN TU SLAPDEATH TERPAKSA SPLIT!! .. DAN DOL DAH BALIK KOTA BARU!!! ~~SPLIT!!!~~ ... INI DIA KATA² AKHIR DARI DOL : "SLAPDEATH DAH SPLIT!!! .. REST IN PAIN!!!"

koleksizine.blogspot.com



YOUTH OF TODAY, STRAIGHT-EDGE HARDCORE KUTUS!!

Bagi mereka² yang masih mentah dlm dunia HARDCORE, 'straight edge' adalah sebuah idea atau falsafah yang di-ikuti oleh sebilangan bands dan peminat HARDCORE yang merupakan falsafah menjauhi diri dari kebu-rukan, merokok, arak, dadah dan juga SEX secara rambang!!!

Falsafah ini mengutamakan kebersihan diwa dan badan dari elemen² yang buruk.

Band pertama yang melahirkan sikap ini ialah 'MINOR THREAT' dari Washington D.C dalam awal lapan-puluhan dulu..

'YOUTH OF TODAY' adalah antara kumpulan yang pertama di NEW YORK yang mengikuti contoh MINOR THREAT.

Pemain gitar YOUTH OF TODAY berkata: "tiada apa faedahnya dalam merokok, minum arak atau duduk main sex macam binatang!!"

"langsung tak ada keseronakan dalam semua tu! menghabiskan masa adala!! STRAIGHT EDGE adalah satu cara mendisiplinkan badan kita dan ini hanya boleh dilakukan tanpa dikotori oleh dadah dan lain²!!"

Kenyataan oleh JOHN ini banyak betulnya dan patut di contohi oleh

Banyak peminat² THRASH dan HARDCORE disini..drugs tak dak bawak faedah! Baik lu pi masuk library baca buku² dari duk stoned, mat!!!

Walaupun mereka berfikir dari dadah YOUTH OF TODAY bukannya band pop atau belia 4-8 yang boleh dicucuk hidung oleh mereka yang berkuasa, malah YOUTH OF TODAY adalah satu kumpulan HIGH-SPEED HARDCORE tanpa setitik pun elemen METAL!!!

Pemain bass, WALTER → "HARDCORE adalah musik yang paling powerful diatas muka dunia ini. Ini ialah musik kesukaan kami., paling nyata dan music yang paling jujur!!!"

"kami benci kan METAL!!", kata penyanyi, RAY.

Mereka juga menyatakan rasa benang terhadap kumpulan ANTHRAX yang ber-iya iya menganggap diri mereka sebagai band NEW YORK HARDCORE.

RAY: "aku harap peminat² ANTHRAX akan datang menyaksikan konsert HARDCORE yang sebenarnya biar otak mereka meletup!!!

"aku rasa kesian kepada mereka² yang menganggap ANTHRAX sebagai band HARDCORE kerena band tu hanya kaki buat duit!! kaki BUSINESS!!!"



Oh, my god! That's disgusting!!! *PULL THE CHAIN* #1 is out!! featuring : KRULL, DEATHRAGE, HELLBASTARD, CREMAINS, KAZJUROL, EXTREMA, WIND OF MAYHEM, IMPETIGO, FEAR OF GOD, DOOM, MUTILATED, SINDROME,

... and tons more... send $2 (europe) and $3 (oversea) all included to Stephane RONVAUX, 69, Av. Val St Georges, 5000 NAMUR, BELGIUM or Eric KLEIN, 105 rue du Nord, 6060 GILLY, BELGIUM choose!





OUT SOON -- [redacted] -- on :
TOTAL NOISE TAPES & RECORDS the DEADLAND MASSACRE split EP with :::: -PATARENI, from Yugoslavia plays traditional crunch core with lot's of energy and fun !!!!!!!!!!!
-ATTA, from swiss plays true melodic earthquake torture boulder tunes !!!!!
The price is :
in w.germany 5.00DM + 1.40DM PORTO
(US.-Schein rest in Briefmarken--KLEINE B.MARKEN only !!!!!)
WORLD $ US dollar ppd.
ELSEWHERE please get in touch !!!!
Send the order to :((PLEASE only cash, no check's please))
M.WEIGAND/ORESDENERSTR.30/5400 KOBLENZ/
---W.GERMANY---

SEND YOUR ADS !!!!!!

DISTRIBUTION LABEL "ZINE" WARSZAWA
WOJTEK GACKOWSKI
PRZESMYSKA 12M28
01-756 WARSAW
POLAND

DISTRIBUTION LABEL "ZINE" WARSZAWA
WOJTEK GACKOWSKI
PRZESMYSKA 12M28
01-756 WARSOVIE
POLOGNE



BÜLLDOZER!

⊗BULLDOZER adalah SEBUAH BAND THRASH YG datang dari Milan, ITALY.. PADA AWAL TAHUN INI, ALBUM PERTAMA MEREKA, NEURODELIRI, TELAH dikeluarkan OLEH VSP UNTUK PASARAN Malaysia.. INTERVIU INI DI JALANKAN MELALUI SURAT OLEH KETUA KUMPULAN 'MALARIA', BAND CROSSOVER/DEATH KUALA TERENGGANU; KU YEE!!!!

- BULLDOZER ADALAH:
  A.C WILD - Bass/vokals
  ANDY PANIGADA - Guitars
  ROB K. CABRINI - DRUMS
- O.K! TERUSKAN KU YEE!!!:

⊗KU YEE: "BILAKAH BULLDOZER DITUBUHKAN?"
A.C WILD: "1984, OLEH DARRIO CARRIA"

(NOTA: "ALBUM NEURODELIRI ITU DITUJUKAN KEPADA DARRIO YG TELAH MEMBUNUH DIRI PADA AWAL TAHUN INI.. NEURODELIRI ADALAH NAMA BAND BARU YG DARRIO TUBUHKAN SELEPAS MENINGGALKAN BULLDOZER)

⊗KU YEE: "BERAPAKAH UMUR² AHLI BAND INI?"
AC WILD: "AKU, 28.. ANDY, 26 DAN ROB, 25"

⊗KU YEE: "APA PENDAPAT BULLDOZER TENTANG SLAYER?"
AC WILD: "SLAYER ADALAH KAWAN² KAMI!!! TERUTAMA TOM, JEFF DAN DAVE!!!.. KERRY tu AKU TAK KENAL SANGAT!!!"

⊗KU YEE: "DARRIO MAIN APA DULU?"
AC WILD: "DIA MAIN BASS DAN AKU HANYA VOKAL!"

⊗KU YEE: "KENAPA GUNAKAN NAMA BULLDOZER?"
AC WILD: "AKU TAK TAHU!! SEBAB NAMA INI DIBERI OLEH DARRIO!! TAPI AKU RASA DAH TERLAMBAT NAK TANYA DIA!!!"

⊗KU YEE: "MACAMANA DAN MENGAPA DARRIO BUNUH DIRI?"
AC WILD: "AKU RASA SEBAB MENGAMBIL UBAT BERLEBIHAN SEBAB MASA TU DIA ALAMI TEKANAN JIWA DAN FIKIRAN!!"

⊗KU YEE: "MACAMANA JUALAN ALBUM NEURODELIRI?"
AC WILD: "AKU TAK TAHU!! AKU TAK KIRA SANGAT PASAL NI.. AKU BUKANNYA ROCK STAR!!!"

⊗KU YEE: "MUKA SIAPAKAH YG DIGUNAKAN SEBAGAI KULIT ALBUM TU?"
AC WILD: "DARRIO!!"

⊗KU YEE: "APAKAH PRINSIP (HIDUP) BULLDOZER?"
AC WILD: "AKU TAK FAHAM SOALAN!!!"

⊗KU YEE: "ADA APA² RANCANGAN UNTUK MASA DEPAN?"
AC WILD: "YA!! SATU ALBUM LIVE YG AKAN DIRAKAMKAN PADA BULAN NOVEMBER DI POLAND!!"

⊗KU YEE: "KATA² AKHIR?"
AC WILD: "TERIMA KASIH KERANA SUDI ANTAK SURAT UNTUK KAMI! KAMI CUKUP GEMBIRA DAPAT TAHU ADA PEMINAT DISANA!! O.K!! TERIMA KASIH SEKALI LAGI!!"

⊗TERIMAKASIH PADA KU YEE!!!

YOUTH OF TODAY - SAMBUNGAN

Tambahan Ray: "apa yang kami BERSANG adalah BAGAIMANA MEREKA MENGUNAKAN N.Y.H.C UNTUK dapatkan duit!! kalau ANTHRAX BETUL BERNAK TOLONG BAND² HARDCORE di-NEW YORK, MEREKA SEPATUTNYA BERIKAN BAND² HARDCORE TEMPAT atau RUANG PEMBUKA TIRAI KETIKA ANTHRAX MENJALANKAN KONSERTS! tapi MEREKA LANGSUNG tidak MEMBANTU KUMPULAN² SEPERTI kami!!"

KESEMUA LAGU² Youth of Today, MEMPUNYAI MESSAGE atau SERUAN² KEARAH KEBAIKAN. Didalam ALBUM TERBARU MEREKA, "WE'RE NOT in this ALONE" (Caroline Records) YOUTH OF Today MENYENTUH KEBURUKAN² didalam FAHAMAN PREJUDIS, anti-kaum, KEMALASAN dan JUGA PERSAHABATAN YANG PALSU.

WALTER: "LIRIKS adalah PENTING BAGI kami. TANPA MESEJ, MUSIK akan jadi satu YANG tak BERGUNA MENGHABISKAN masa dan tidak MENGHASILKAN KEPUASAN diri kami!"

YOUTH OF Today MENYATAKAN BAHAWA ~~KEBERKA~~ MEREKA BUKANNYA satu² BAND STRAIGHT EDGE di-DUNIA INI. ANTARA BAND² LAIN IALAH BOLD WIDE AWAKE, BEYOND, GORILLA BISCUITS NO FOR AN ANWER dan JUGA BAND YANG MEMULAKAN STRAIGHT EDGE, MINOR THREAT.

JOHN: "SEKARANG ini, kami ada satu PERGERAKAN - satu PERASAAN YANG sama² kita rasai.

"WALAUPUN diserata DUNIA dan disekeliling kami KEADAAN SOCIAL adalah TERUK, BILA kami BERSAMA kami RASA GAGAH, Happy PERGERAKKAN kita INI MEMBUAT-KAN kita RASA BAHAWA kita SEDANG MELAKUKAN SESUATU YANG Baik dan POSITIF. kita RASA BANGGA dan aku HARAP BILA aku TUA dan SEMUA ini DAH HANCUR, PERASAAN INI akan TERUS Hidup didalam diri ANI" - JOHN..

ITU dia, Youth OF Today, SEBUAH BAND YANG tahu apa YANG MEREKA NYANYIKAN.. BUKAN IKUT TREND atau HANYA Nak Jadi RUGGED... BUKAN!! BUKAKKAN mata dan OTAK!!!!

[diretik dari METAL FORCES #AUGUST '88
TANPA KEBENARAN!!!.. HO! HO!... DOE!

⊗SAPAZ YANG BERMINAT UNTUK MENDAPATKAN TAPES, MINOR THREAT, CUBA CONTACT DOE, AERDSZINE!!!

WORDS OF WARNING RECORDS

KARL, 50 RONALD ROAD, NEWPORT, GWENT, NP9 7GF, WALES. UK.

POSTAGE - 7"- 20p for one, 10p each additional. 12"- 50p for one, 25p each additional. There is no postage charge with flexis if ordered with anything else. If you wish to pay by cheque, please make them payable to K HORTON. THANX

YOU ARE NOT ALONE EP - HEX/STALAG 17/OI POLLOI/SYMBOL OF FREEDOM.....£1

THE FIRST CUTS ARE THE DEEPEST EP - CLASSIFIED PROTEST/I MOBSTER/THE BUGS/YR ANHREFN/ELFYN PRESLI/THE HERETICS....£1

WILL EVIL WIN flexi - ANIHILATED/CIVILISED SOCIETY/LORD CRUCIFIER/DESECRATORS ...50p

THERE IS NO REASON TO BE HAPPY EP - W.D.M./KATEGORIJA/MARTIAL LAW/I REFUSE IT. ...£1

SCHONE BESCHERUNG EP - DIE PERVERSEN WEIHNACHTSMANNER (German).....£1.20

CAN YOU DIG IT? EP - DAN (UK).....£1

FOR A FREE AND LIBERATED SOUTH AFRICA EP - GENERIC (UK).....£1

RELIGION SUCKS EP - ASOCIAL (Sweden).....£1.20

WET ZA WET LP - ABADDON (Polish).....£4

SPEED HIPPY EP - DECADENCE WITHIN.....£1

(DISTRIBUTION LIST NUMBER ONE - APRIL '87 - NEW LIST EVERY MONTH - PLEASE WRITE)

LATE ADDITION: DESTROY FASCISM EP - ANTIDOTE (UK)..£1

voi vod *



•diantara beratus-ribu bands didalam perkakan thrash/hardcore/black dan punk, adalah tepat kalau kita katakan bahawa Voi Vod adalah kumpulan yang paling unik. selain dari band² post-hardcore spt butthole surfers, die kruezen, big black, no means no dan lain² ...

•Voi Vod terdiri daripada 4 kutu canada yang lahir dari penempatan orang perancis disana iaitu : snake (denis bellanger)-v, away (michel langevin)-dram, piggy (denis d'amour)- gitar dan, blacky (jean-yves theriault)-bass.

•"Ianya adalah rumit untuk menerangkan bunyi keseluruhan Voi Vod", kata pemain drum, away..

•"kami tidak dapat melabelkan bunyi kami kerana ia adalah satu hasil yg kami dapat bila mencampur adukkan segala pengaruh musik yg kami suka seperti sound 'new wave of british heavy metal', progressive jazz, kumpulan² post-punk, spt killing joke dan chrome dan juga kumpulan² industrial macam einsturzende neubauten !! "

•"orang² telah cuba melabelkan kami dengan tajuk sebagai band industrial metal, nuclear metal dan ada jugak, space-punk band!!! tapi apa yg kami tahu adalah Voi Vod merupakan satu band yang tidak punyai bunyian tetap tapi akan terus mempunyai elemen metal !! "

•ditubuhkan dalam tahun 1980 apabila away mula duk jamming dengan piggy dikampung mereka di junquiere, quebec di utara kanada. pada masa ini mereka duk main lagu² AC/DC dan IRON MAIDEN.

•dalam tahun 1982, away dan piggy mengambil blacky sebagai bassist dan dua bulan kemudian, snake sebagai penyanyi.

